



## PERMOHONAN PENGECUALIAN DARIPADA DENDA, LANJUTAN MASA, KEUTAMAAN JANJI TEMU DAN PERKARA LAIN BERKAITAN DENGAN URUSAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)/ PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

farhan hassan <farhan@ptgwp.gov.my>  
To: Scott Khor Tzher K'ng <scott@malaysianbar.org.my>

Thu, Jul 22, 2021 at 12:47 AM

Tuan,

Terima kasih di atas maklumbalas.

2. Seperti dimohon pihak tuan, berikut adalah maklumbalas Pejabat Pengarah Tanah dan Galian WP Putrajaya (PPTGWPPj) terhadap permohonan pengecualian daripada penalti pendaftaran sekiranya tarikh perserahan luput semasa PKP/PKPD yang berkuatkuasa di WP Putrajaya;

(i) pengecualian daripada penalti pendaftaran sekiranya tarikh perserahan luput semasa PKP/PKPD  
**PPTGWPPj** : berdasarkan emel 1 Jun 2021, PPTGWPPj bersetuju meluluskan tambahan tempoh pendaftaran perserahan selama **60 hari sahaja** dari tarikh akhir tempoh 90 hari dokumen disempurnakan. Ini mengambilkira tempoh sebenar PKP/PKPD dikuatkuasakan di WP Putrajaya.

(ii) pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik;  
**PPTGWPPj** : Berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah WP Putrajaya 2002, **tiada denda dikenakan bagi kelewatan kutipan hakmilik.**

(iii) tempoh sah laku carian rasmi yang luput dalam tempoh PKP/PKPD untuk tujuan permohonan kebenaran pindahmilik, gadaian atau pajakan dilanjutkan selama 90 hari daripada tarikh ianya luput;  
**PPTGWPPj** : berdasarkan emel 1 Jun 2021, PPTGWPPj bersetuju meluluskan pelanjutan tempoh sah laku carian rasmi yang luput dalam tempoh PKP/PKPD untuk tujuan permohonan kebenaran pindahmilik, gadaian atau pajakan kepada tempoh selama **60 hari sahaja** daripada tarikh ianya luput mengambilkira tempoh sebenar PKP/PKPD dikuatkuasakan di WP Putrajaya.

(iv) Surat Kebenaran Pindahmilik/ Gadaian/ Pajakan yang luput dalam tempoh PKP/PKPD dilanjutkan selama 90 hari daripada tempoh luput surat tersebut;  
**PPTGWPPj** : berdasarkan emel 1 Jun 2021, PPTGWPPj bersetuju meluluskan pelanjutan tempoh Surat Kebenaran Pindahmilik/ Gadaian/ Pajakan yang luput dalam tempoh PKP/PKPD dilanjutkan selama **60 hari sahaja** daripada tempoh luput surat tersebut mengambilkira tempoh sebenar PKP/PKPD dikuatkuasakan di WP Putrajaya.

Walau bagaimanapun, bagi surat kebenaran Pindahmilik/ Gadaian/ Pajakan yang melibatkan pihak pemaju dengan pembeli pertama, PPTGWPPj bersetuju meluluskan pelanjutan tempoh Surat Kebenaran kepada selama **90 hari** sebagaimana permohonan pihak tuan.

(v) kesemua lelongan awam dan siasatan hakmilik hilang dibenarkan untuk ditangguh dan tarikh baharu diberikan oleh pejabat pendaftar; dan  
**PPTGWPPj** : Berdasarkan jenis hakmilik di WP Putrajaya, semua lelongan awam dilaksanakan di mahkamah dan **tiada urusan melibatkan PPTGWPPj.**

(vi) permohonan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil 1955 yang ditangguh diberi tarikh bicara yang lebih awal.  
**PPTGWPPj** : semua urusan permohonan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil 1955 berkaitan di WP Putrajaya adalah terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Putrajaya dan **tidak melibatkan PPTGWPPj.**

3. Sehubungan itu, dimohon jasa baik pihak tuan untuk menghebahkan perkara tersebut untuk makluman semua pihak yang mempunyai kepentingan.

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, harap maklum.

(Farhan b Hassan)  
b.p. Pentadbir Tanah  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian  
WP Putrajaya

farhan hassan  
[Quoted text hidden]